

U 0775 RRR  
MAHATHIR-UMNO RRR

KUALA LUMPUR, 9 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERAHKAN KERTAS PENERIMAAN PENCALONANNYA BAGI MEMPERTAHKAN JAWATAN PRESIDEN UMNO BAGI PENGGAL KETIGA.

KERTAS PENERIMAAN PENCALONAN ITU DISERAHKAN KEPADA SETIAUSAHA KERJA UMNO, ENCIK NASARUDDIN ALANG SAIDIN, DI IBUPEJABAT PARTI DI SINI OLEH SETIAUSAHA POLITIK KEPADA PERDANA MENTERI, ENCIK MOHAMED NOOR AZAM, PADA PUKUL 2.55 PETANG.

ENCIK NOOR AZAM SELEPAS MENYERAHKAN KERTAS ITU MEMBERITAHU PEMBERITA BAHAWA PERDANA MENTERI +YAKIN SEMUA AHLI UMNO MASIH TETAP CINTA DAN SAYANGKAN KEPADA UMNO DAN TIDAK AKAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG AKAN MEROSAKKAN KEUTUHAN UMNO+.

BELIAU MEMETIK DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI BERKATA: +KITA MEWARISI (UMNO) DARIPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG DAHULUNYA DALAM KEADAAN BAIK DAN KUKUH, OLEH ITU MENJADI KEWAJIPAN PEMIMPIN DAN AHLI-AHLI UMNO SEKARANG UNTUK MEMPASTIKAN SUPAYA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO AKAN DATANG JUGA MENERIMA UMNO DALAM KEADAAN KUAT DAN KUKUH+.

-- LAGI

1555MST 09 04 87

U 0001 AAB  
MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENANG TANPA BERTANDING UNTUK MENERAJUI UMNO BAGI DUA PENGGAL YANG LEPAS SEJAK 1981 APABILA BEKAS PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN UMNO TUN HUSSEIN ONN MENGUNDUR DIRI.

MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DISEBUT-SEBUT AKAN MENCABAR DATUK SERI DR MAHATHIR PADA PEMILIHAN PARTI 24 APRIL INI.

TENGGU RAZALEIGH YANG JUGA BEKAS BENDAHARI AGUNG UMNO BAGAIMANA PUN BELUM LAGI MENYATAKAN PENDIRIANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH DICALONKAN OLEH 88 BAHAGIAN UMNO MANAKALA TENGGU RAZALEIGH MENDAPAT PENCALONAN DARIPADA 37 BAHAGIAN BAGI KERUSI PRESIDEN PARTI.

SEMENTARA ITU PEJABAT SETIAUSAHA AGUNG UMNO HARI INI DIFAHAMKAN MENERIMA TIDAK KURANG DARIPADA 10 KERTAS PENERIMAAN PENCALONAN DARIPADA SETIAUSAHA-SETIAUSAHA POLITIK DAN WAKIL PERIBADI BAGI PIHAK MEREKA YANG DICALONKAN BERTANDING KERUSI MAJLIS TERTINGGI.

ANTARA MEREKA YANG MENERIMA PENCALONAN IALAH MENTERI PENERANGAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK AJIB AHMAD, TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK RADZI SHEIKH AHMAD, MENTERI BESAR SELANGOR DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB DAN BEKAS MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN. --

BERNAMA

1617MST 09 04 87